UPNM
National Defence University of Malaysia
Kewajipan • Maruah • Integriti

Naib Canselor
Vice Chancellor

Aras 1, Bangunan Canselori
UPNM, Kem Perdana Sungai Besi
57000 Kuala Lumpur, Malaysia

+603 - 9051 3457
+603 - 9057 4361
nc@upnm.edu.my
www.upnm.edu.my

Rujukan : UPNM(PPAP)01.02/04(51)
Tarikh : 13 November 2025

Puan Jamie Koh Paik Chin
Pengarah Modal Insan
International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)
Jalan Tun Ismail
50480 KUALA LUMPUR

Puan,

PELANTIKAN SEBAGAI PANEL PENASIHAT INDUSTRI DALAM BIDANG PENGURUSAN SUMBER MANUSIA BAGI PROGRAM AKADEMIK FAKULTI PENGAJIAN DAN PENGURUSAN PERTAHANAN (FPPP), UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak UPNM amat berbesar hati untuk melantik puan sebagai Panel Penasihat Industri dalam bidang Pengurusan Sumber Manusia bagi Program Akademik, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan (FPPP), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

3. Pelantikan ini adalah berkuat kuasa selama **dua (2) tahun** bermula **dari tarikh surat ini dikeluarkan sehingga 30 September 2027**. Untuk makluman puan, tugas dan tanggungjawab sebagai Panel Penasihat Industri adalah seperti berikut:

a. Menasihati fakulti tentang perkara-perkara berkaitan dengan silibus kursus dan struktur program bagi memastikan program yang ditawarkan seiring dengan keperluan industri.

b. Mengadakan perbincangan bersama staf akademik di fakulti bagi melihat pelaksanaan program dan memastikan mutu pengajaran mengikut silibus yang ditetapkan.

c. Terlibat dalam proses penilaian program melalui semakan kurikulum.

d. Memberikan cadangan penambahbaikan demi memastikan graduan yang dilahirkan oleh program tersebut adalah berkualiti dan menepati kehendak pasaran.

e. Menyediakan laporan penilaian program selepas lawatan selesai.

4. Bagi menghargai komitmen puan sebagai Panel Penasihat Industri, UPNM akan menyediakan peruntukan honorarium seperti berikut:

a. Elaun mesyuarat sebanyak RM300.00 per mesyuarat untuk ahli lembaga daripada luar universiti (ahli profesional dari industri dan ahli akademik daripada universiti awam lain).

b. Elaun perjalanan mengikut kelayakan.

c. Elaun penginapan (hanya untuk ahli daripada luar Lembah Klang mengikut kelayakan).

5. Justeru itu, sekiranya puan bersetuju untuk menerima pelantikan ini, puan adalah dipohon untuk mengisi dan melengkapkan Borang Maklum Balas Penerimaan Lantikan dan dihantar ke alamat seperti berikut:

Alamat: Dekan
Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan
Aras 3, Bangunan Lestari
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Kem Sungai Besi
57000 KUALA LUMPUR

Atau e-mel ke alamat khairulefendi@upnm.edu.my

6. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berkaitan perkara ini, puan boleh menghubungi pegawai – pegawai seperti berikut:

a. **Dr. Salma binti Yusof**
Menjalankan Tugas Timbalan Dekan (Akademik dan Prasiswazah)
Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan
Tel: 03 – 9051 2558 / 019 – 229 7679
E-mel: salma@upnm.edu.my

b. **En. Khairulefendi bin Kamarulzaman**
Penolong Pendaftar Kanan
Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan
Tel: 03 – 9051 2555 / 012 – 748 3965
E-mel: khairulefendi@upnm.edu.my

7. Segala kerjasama dan perhatian puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI"

Saya yang menjalankan amanah,

DATUK WIRA ARMAN RUMAIZI BIN HJ AHMAD
Leftenan Jeneral
Naib Canselor

UPNM
National Defence University of Malaysia
Kewajipan • Maruah • Integriti

BORANG MAKLUM BALAS PENERIMAAN LANTIKAN

HANTAR MELALUI E-MEL
E-mel: khairulefendi@upnm.edu.my

Dekan
Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan
Aras 3 Bangunan Lestari
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Kem Sungai Besi
57000 KUALA LUMPUR

Tuan,

PELANTIKAN SEBAGAI PANEL PENASIHAT INDUSTRI DALAM BIDANG PENGURUSAN SUMBER MANUSIA BAGI PROGRAM AKADEMIK FAKULTI PENGAJIAN DAN PENGURUSAN PERTAHANAN (FPPP), UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM)

Merujuk kepada surat tuan nombor rujukan: ..... bertarikh ..... mengenai perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa saya ***BERSETUJU / TIDAK BERSETUJU** menerima lantikan sebagai Panel Penasihat Industri dalam bidang Pengurusan Sumber Manusia bagi Program Akademik, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan (FPPP), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Tandatangan : .....

Nama : .....

Jawatan : .....

Jabatan : .....

No. Tel (P)/(B) : .....

E-mel : .....

Tarikh : .....